

30 JUL 1997

PROMET DIBERI KONTRAK RM200 JUTA BINA KUARTERS POLIS DI ZIMBABWE

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kumpulan prasarana, maritim dan pembinaan, Promet Bhd telah diserahkan kontrak bernilai RM200 untuk membina 10,000 unit perumahan dan bangunan pentadbiran anggota polis di Zimbabwe.

Pengerusinya, Tan Sri Mohd Ngah Said dalam satu kenyataan berkata kontrak tersebut membabitkan pembangunan kem baru, pembinaan perumahan sedia ada untuk anggota polis, dan pembangunan semula serta membaik pulih kem yang sedia ada.

Katanya kontrak tersebut dijangka mengambil masa lima tahun untuk disiapkan.

Semalam, ZimMal Promet (Pte) Ltd dan Persatuan Polis Republik Zimbabwe menandatangani perjanjian pembangunan di Langkawi berhubung perkara ini. Majlis tersebut disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan presiden Zimbabwe Dr Robert Mugabe.

ZimMal adalah syarikat usaha sama antara Promet yang memegang 70 peratus kepentingan dan ZimMal Holdings (Pte) Ltd yang memegang baki 30 peratus ekuiti.

"Kegiatan Promet yang semakin meningkat di Afrika adalah sebahagian daripada rancangan pembesaran kami ke rantau Afrika dan kontrak polis Zimbabwe ini merupakan satu lagi pencapaian dalam usaha perkembangan kami," kata pengarah eksekutif merangkap ketua pegawai operasi, Lee Keat Hin.

Katanya projek tersebut adalah yang kedua di Zimbabwe, yang pertama merupakan pembangunan projek perumahan 10,000 unit yang mampu dibeli di Bandar Raya Bulawayo, bandar yang kedua terbesar di Zimbabwe.

"Kami menyifatkan rantau Afrika sebagai sempadan pertumbuhan baru dan akan terus melabur dan menyertai kegiatan dalam projek-projek penswastaan dan yang disokong pemerintah di rantau itu," tambahnya. -- BERNAMA

YY MA/sia